

# Pendidikan Awal Berasaskan Fitrah: Memperjelas Arah Tuju dan Mengembeling Usaha Memenuhi Tuntutan.

Oleh: Ghazali Basri

## Abstract

*This paper attempts briefly to elucidate the concept, philosophy and goals of early education, which is based on human nature (fitrah). The paper is divided into three parts. First, it clarifies the concept of fitrah and its relationship to faith, the creation of man, and education. Second, it explains the philosophy and goal of Islamic education, and finally, it dwells on the problems and challenges that have to be faced in the implementation of such a program, in particular with respect to curriculum development, preparation of instructional materials and the training of teachers. The paper also calls for the 'humanizing' of knowledge including technology, and 'humanizing' the Westernized system of education back to its original nature.*

## Pendahuluan

Tajuk perbincangan kertas ini, iaitu Pendidikan awal berasaskan fitrah agak khusus sifatnya. Dari satu segi tajuk ini memang banyak manfaatnya kepada kita sebagai pengamal pendidikan, sekaligus ia juga memaksa kita tidak banyak membicarakan soal falsafah dan teori, tetapi lebih banyak mengenai perkara yang konkrit dan praktikal. Namun begitu, dalam membahas soal pendidikan, mahu tidak mahu kita tidak dapat lari daripada membahaskan soal konsep, falsafah dan teori. Untuk berlaku adil kita mengambil sikap kompromi di atas dua pertimbangan ini.

Perbincangan tajuk di atas tertumpu kepada tiga aspek: pertama, huraian mengenai konsep fitrah serta kaitannya dengan ilmu pendidikan; kedua, huraian mengenai falsafah dan matlamat pendidikan dan ketiga, perbincangan mengenai prasarana dan isu-isu yang dihadapi dalam merealisasikan perlaksanaannya.

## Huraian konsep

- (i) Konsep fitrah dan hubungannya dengan iman.  
"Fitrah" istilah al-Quran, diungkapkan sebanyak 20 kali (dalam berbagai-bagai bentuk tetapi atas akar kata yang sama), enam daripadanya merujuk makna (penciptaan) manusia (al-Rūm:30; Hūd:51; Yāsin:22, Zukhrūf:27; Tāhā:72; dan al-Isrā:52) dan yang selebihnya merujuk kepada maksud penciptaan langit dan bumi, iaitu alam semesta. Konsep fitrah yang merujuk

kepada makna penciptaan manusia adalah bersifat universal, yakni mencakup seluruh kaum manusia, sama ada yang beriman atau yang tidak beriman.

Fitrah dalam konteks ini amat berkait dengan sifat semulajadi manusia yang pada hakikatnya mempunyai potensi untuk beriman; justeru itu ia berkait rapat dengan konsep agama hanif (Islam) yang dijelmakan dalam bentuk 'ibadah – bersifat praktikal. Dalam konteks inilah juga konsep *Iman*, *Islam* dan *Ihsan* dan hubungkait antara satu sama lain dapat kita fahami.

- (ii) Konsep fitrah dan hubungannya dengan kejadian manusia  
Subjek kepada fitrah ialah Allah S.W.T (*Al-Fātir*, Pencipta), manakala objek kepada fitrah pula ialah manusia dan langit dan bumi (*Fātiris samāwāti wal ard*, Al-Fatir, ayat 1: merujuk kepada alam semesta). Dalam hubungan ini, para ulama silam mengistilahkan manusia sebagai *al-insan kawnu al-saghīr* (alam mikro), berbanding dengan alam semesta dikenali sebagai *al-kawnu insān al-kābir* (alam makro). Kedua-dua alam ini adalah makhluk Allah S.W.T yang memang potensinya untuk tunduk kepadaNya. Cuma dalam konteks ini manusia (alam mikro) yang memerlukan pendidikan dan bimbingan untuk pastikan kepasrahannya kepada Allah, sedangkan langit dan bumi (alam makro) tidak memerlukan. Di sinilah signifikannya pendidikan berasaskan fitrah.
- (iii) Istilah-istilah yang seerti dengan fitrah  
Beberapa penjelasan semakna dengan yang dijelaskan di atas turut diberikan, misalnya Ibn Taymiyyah menyebutnya sebagai “potensi bawaan” yang berkait dengan konsep *alam mithaq* (al – ‘Araf: 172; Luqman: 25); juga oleh al-Maraghi yang memahaminya sebagai “bersedia atau sanggup” menerima kebenaran, dan juga oleh al-Qurtubi yang memberi kefahaman tentang “berpotensi untuk beribadah/ma’rifat kepada Allah” (*syu’ur lil ‘ubudiyah*). Dalam huraian yang lebih masyhur, fitrah diertikan sebagai suci bersih dalam konteks berpotensi untuk beragama (Islam) seperti pendapat Awza’iyy. Atas dasar ini kita memahami bahawa setiap kanak-kanak yang lahir ke dunia ini adalah Muslim (bersih, menurut fitrah – maksud al-Hadith, riwayat Bukhari dan Muslim), dan atas dasar yang sama adalah lebih tepat jika kita gunakan istilah “*revert*” bukan *convert* bagi saudara baru yang menganut agama Islam.

Sebagai rumusan, pengertian yang terkandung dalam konsep fitrah sedikit sebanyak telah memberikan kita beberapa petunjuk yang memberi kefahaman tentang hakikat manusia. Di antaranya, fitrah memberi makna: sifat positif semulajadi manusia,

potensi bawaan manusia untuk tunduk dan patuh kepada peraturan samawi. Dalam konteks inilah kita akan merancang sebuah skema pendidikan yang benar-benar serasi dan sesuai dengan tabi'i manusia itu sendiri.

### **Falsafah dan matlamat pendidikan**

#### **Falsafah Pendidikan Islam**

Persoalan mengapa pendidikan berasaskan fitrah, mengundang kita kepada perbincangan tentang falsafah. Yang harus dibangunkan dalam konteks pendidikan ialah manusianya. Pendidikan merupakan satu proses pembangunan yang mempunyai makna dan tujuan; pembangunan yang dimaksudkan ialah pembangunan individu manusia seutuhnya.

Menyedari hakikat manusia yang secara fitrahnya mempunyai aspek kerohanian, akal, emosi dan nafsu jasadi, pendekatan kita dalam proses pendidikan adalah bersifat holistik, iaitu membangun manusia secara sepadu dan seimbang. Penekanan pendidikan berasaskan fitrah yang pada dasarnya bersifat sepadu dan seimbang menekankan tiga aspek utama:

- (i) menyedari hakikat diri (tentang siapa, mengapa dan apa tugas saya?) perbincangan mengenainya dalam bahasa falsafah disebut ontologi
- (ii) ilmu pengetahuan yang dapat membimbing diri kepada kebenaran Ilahi, dan kesejahteraan diri, disebut sebagai epistemologi, dan
- (iii) keupayaan mengenal sistem nilai baik buruk, dalam bahasa falsafah dikenali sebagai aksiologi.

#### **Pembangunan Manusia**

Manusia yang dibangun menurut pendekatan Islam mestilah memenuhi criteria *khalifatuLlah fil ard* seperti yang digambarkan dalam peristiwa Allah s.w.t menciptakan Adam a.s. Justeru itu Allah s.w.t. mengajar Adam a.s. 'nama-nama benda', bagi tujuan menyedarkan manusia tentang hakikat kejadian makhluk (ontologikal). Demikianlah juga tujuan pendidikan harus selaras dengan matlamat bagi membekal individu dengan keupayaan dan kemahiran memahami Tuhannya dan hubungannya iaitu, makhluk dengan Tuhannya. Dalam konteks ini individu akan diberi kefahaman dan kesedaran bahawa setiap iradah Allah s.w.t. (*God's Will*) seharusnya mencerminkan sifat-sifat (*attributes*) Allah s.w.t.; kita disuruh berakhlak dengan akhlak Allah s.w.t.

#### **Matlamat Pendidikan Islam**

Dari sinilah juga kita memahami bahawa pendidikan Islam bermatlamatkan bagi menyediakan individu dengan kemahiran mengenal Tuhannya dan sekaligus

berkemampuan menguasai persekitarannya (menerusi penguasaan ilmu, dengan epistemologi Islam) untuk faedah dirinya, keluarga dan masyarakat, bangsa dan negaranya. Dalam pada itu diperkukuh pula dengan penurunan al-Qur'an dan pengutusan Nabi s.a.w. sebagai panduan dan ikutan akhlak lengkap dan mulia. Inilah dia kriteria *khalifatuLlah fil ard* yang bakal dan mampu dicapai oleh setiap makhluk manusia di muka bumi ini. Dalam konteks ini manusia diberi peranan sebagai khalifah (petugas), tetapi atas dasar pemegang amanah dan untuk memastikan manusia dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan baik, ia diberi status 'abd (hamba) Allah. Memahami konsep 'abd dan segala tuntutan dalam kehidupan individu, akan menjamin keberuntungan di dunia dan keberuntungan di akhirat (*hasanah fi al-dunya wa hasanah fi al-akhirah*). Inilah sebenarnya yang menjadi pertimbangan kita apabila kita mahu menyediakan sebuah kurikulum pendidikan formal dalam semua peringkat umur.

#### **Memperjelas arah tuju Penolakan Sistem Barat**

Berpunca daripada soal berbeza teori memahami ilmu (epistemologi), barat melihat hakikat (kebenaran) berasaskan kepada pendekatan empirikal (fakta luaran) sedangkan Islam menekankan pendekatan ontologikal (hakikat kejadian). Demikian juga dalam memberi persepsi terhadap manusia, Barat melihatnya tidak lebih daripada makhluk biologis dan segala tindakannya diukur menurut perspektif behavioris-humanis yang memahkotakan faham *relativisme* dalam semua sistem nilai. Sebaliknya Islam memahami hakikat manusia sebagai makhluk yang dibekal dengan berbagai-bagai potensi *fitriy rabbani*. Demikian juga Barat tidak ada padanya ide tentang kuasa mutlak (kuasa Tuhan) yang bersifat metafizikal, kerana yang diakui sah ialah yang bersifat fizikal sahaja. Pemikiran ini diinstitusikan dalam faham sekularisme yang pada dasarnya menolak apa sahaja yang bersifat metafizik seperti yang diungkapkan oleh Al-Attas, "*the deliverance of man first from religious and second from metaphysical control over reason and language resulting (i) disenchantment of nature (ii) desacralization of politics (iii) deconsecration of values*. (Seyyed Naquib Al-Attas, *Islam And Secularism*, ABIM 1977 Kuala Lumpur, halaman 15).

Kesan langsung daripada keadaan ini ialah alam tabi'i terpisah daripada iradah Tuhan. Akibat cengkaman faham sekularisme menyebabkan berlakunya kerosakan (fasad) dalam hubungan antara manusia dengan alam tabi'i, kerana ia dilihat dalam kerangka faham kemanfaatan (*utility*), bukan atas dasar benar-batil; adil-zalim, sejahtera-kerosakan seperti yang dianjurkan oleh Islam. Penguasaan sains moden yang dianjurkan Barat membiar, malah menggalakkan konfrontasi antara manusia

dengan alam yang didiaminya, sebaliknya Islam menganjurkan hubungan mesra kerana setiap individu Muslim sedar bahawa dirinya adalah sebahagian daripada komuniti alam besar (*the bigger ecological community*) yang ditadbir di bawah satu kuasa yang empunya alam ini (*sunnatuLlah*).

#### **Ke Arah Pengembelian Usaha**

Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan, dalam usaha memperkenalkan sebuah sistem yang baru apatah lagi yang bersifat alternatif, persoalan yang harus diperjelas ialah persoalan pemikiran. Ini kerana sesuatu ide atau gagasan walau bagaimana baik sekalipun tidak sebegitu mudah dilaksanakan. Dalam konteks pendidikan masalahnya lebih kompleks. Untuk memperkenalkan sesuatu yang baru, apatah lagi terpaksa bersaing dengan yang sedia ada, ia melibatkan anjakan paradigma pemikiran. Harus ditangani soal faham dualisme dalam sistem pendidikan liberal-sekular, soal faham dikotomi dalam sistem nilai seperti yang telah kita sentuh terlebih dahulu kerana kesemuanya itu menjadi penghalang utama. Inilah yang kita maksudkan dengan usaha “memanusiakan kembali” sains (ilmu) termasuk teknologinya, kerana masalah yang timbul bukan salah ilmu sains dan teknologi tetapi kesalahan terletak pada manusianya yang menguasai ilmu tersebut.

Setelah diperjelas konsep-konsep serta difahami betul arah yang hendak dituju barulah diterjemahkan ke dalam satu kerangka yang bersifat operasional, umpamanya pembinaan kurikulum, penyediaan bahan pengajaran, pendidikan guru dan sebagainya. Usaha “memanusiakan kembali” sistem Barat yang sedang kita ikuti ini hanya dapat tercapai menerusi sistem pendidikan yang kita yakini sekarang ini. Kita menganjurkan sistem pendidikan peringkat awal berasaskan fitrah bersifat tawhidik dan holistik.

Kita yakin bahawa di peringkat formatif inilah kesesuaiannya amat dirasakan. Untuk ini kita merasakan ada beberapa asas yang menjadi pegangan kita dalam merangka kurikulum pendidikan di peringkat ini, antaranya:

1. Hendaklah ada konsep ‘hiraki ilmu’, kerana ilmu mempunyai tingkat-tingkatnya tersendiri. Ilmu kerohanian di tempat paling atas, kemudian diikuti dengan ilmu akhlak dan penghayatannya. Dengan ini, ilmu akhlah dan inderawi yang diperoleh kemudian akan terbimbing.
2. Iman dan akhlak mestilah ditanam terlebih dahulu, dan pengajarannya haruslah berbentuk *role-model*.
3. Pastikan ada peruntukan bagi pengembangan dan pemurnian aspek fizikal, emosi dan imaginasi kanak-kanak. Perkembangan intelek akan sendirinya turut subur jika sekiranya landasan atau tapak semaian tersedia rapi.

4. Meluaskan ufuk minda dan intelek kanak-kanak supaya dapat dirasakan dalam diri mereka kesedaran mendalam tentang segala makhluk Allah di sekelilingnya sebagai ayat-ayatNya sepertilah juga ia membaca al-Qur'an.
5. Menyedia aktiviti yang dapat merangsang pembangunan individu supaya ia menjadi *cultured* (berbudaya), yakni tahu dan berupaya menggunakan atau mengaplikasikan kemajuan diri dalam aspek rohani, intelek dan kebendaan dan juga pakar (mahir) dalam erti kata ia menjadi aset yang berharga kepada keluarga, masyarakat dan negaranya.

#### **Penutup**

Dalam konteks perlaksanaannya, masyarakat, yakni ibu bapa, kaum pendidik khususnya harus didedahkan terlebih dahulu mengenainya hal-hal yang menyangkut soal pendidikan ini. Walaupun soal menyedia prasarana, seperti kurikulum, sukatan pelajaran, pendidikan guru, bahan pengajaran, pentadbiran dan pembudayaan iklim persekolahan tidak seabstrak menyedia konsep dan falsafah, namun ia memerlukan sejumlah sumber tenaga daya manusia, kepakaran dan dana dan seumpamanya yang sebenarnya tidak boleh diabaikan. Inilah sebabnya kita mengajak supaya diwujudkan pengembelian tenaga sepadu yang mungkin bagi memastikan matlamat murni ini tercapai, insha'Allah.